

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Jerebu bakal berakhir	Utusan Malaysia
2	RM1.45j untuk benih awan	Harian Metro
3	Status kualiti udara seluruh negara makin baik	Berita Harian
4	Hujan lenyapkan jerebu beransur-ansur	Harian Metro
5	Ribut tropika lenyap, kualiti udara lebih baik	Bernama.com
6	Wan Junaidi: No haze in country until Monday	New Straits Times
7	Angkasa nafi bumi bergelap selama 15 hari	Kosmo
8	ANGKASA nafi dakwaan bumi bergelap 15 hari	Harian Metro
9	ANGKASA nafi dakwaan bumi bergelap 15 hari	Bernama.com
10	We should baulk at bauxite mining	New Straits Times
11	Cavalier attitude a letdown	New Straits Times
12	Mampu Menang Anugerah 'Excellence In Analytics Agency Of The Year' Pada Anugerah OpenGov Asia	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Jabatan Meteorologi ramal cuaca lembap landa negara

Jerebu bakal berakhir

Oleh **AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 8 OKT.**

KESENGSARAAN rakyat Malaysia yang terpaksa menanggung pelbagai masalah akibat jerebu bakal berakhir apabila Jabatan Meteorologi meramalkan keadaan cuaca lembap akan melanda negara ini sekaligus membantu membersihkan saki baki jerebu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara dijangka menerima tiupan angin yang lemah daripada pelbagai hala sehingga 12 Oktober ini yang akan menyebabkan keadaan cuaca lembap dan hujan di beberapa kawasan negeri pantai barat Semenanjung.

Katanya, taufan Mujigae yang berakhir kelmarin kembali merubah cuaca seperti sedia kala dan dijangka berterusan sehingga awal November ini dan kemudiannya disusuli musim tengkujuh.

"Kita kembali mendapat cuaca lazim musim antara monsun dengan angin lemah pelbagai hala dan cuaca yang lebih lembap terutama

bagi negeri-negeri di pantai barat Semenanjung. Angin-angin ini tidak lagi membawa jerebu dari Indonesia dan cuaca lembap akan membantu membersihkan jerebu sedia ada.

"Cuaca ini dijangka kekal sehingga awal November ini tetapi dengan syarat tiada lagi pembentukan ribut tropika baharu di rantau ini yang boleh memberi impak kepada corak tiupan angin," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.



CHE GAYAH ISMAIL

Sementara itu, Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan dalam portal Jabatan Alam Sekitar mendapati, kawasan yang mencatat bacaan sederhana menurun kepada 36 berbanding 38 semalam.

Antara kawasan yang mencatatkan bacaan IPU sederhana adalah Shah Alam dengan 84, Nilai (83), Pelabuhan Klang (80), Sekolah Menengah Tanjung Chat, Kota Bharu (79), Seberang Jaya (76), Seri Manjung (76), Bakar Arang (75), Langkawi (75), Alor Setar (75) dan Batu Muda (73).

Dalam pada itu, terdapat dua kawasan di Sarawak mencatatkan bacaan IPU sederhana di Sri Aman (53) dan Bintulu (58) sementara kawasan Tawau, Sabah merekodkan bacaan 54.

info

**BACAAN
IPU 8 OKTOBER
2015 (SEHINGGA
PUKUL 5 PETANG)**

KAWASAN	IPU
Shah Alam	84*
Nilai	83*
Pelabuhan Klang	80*
SMK Tanjung Chat, Kota Bharu	79*
Seberang Jaya 2, Perai	76*
Seri Manjung	76*
Bakar Arang, Sg. Petani	75*
Langkawi	75*
Alor Setar	75*
Batu Muda, Kuala Lumpur	73*

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).



PEMANDANGAN yang dirakamkan dari Bangunan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada pukul 5 petang menunjukkan jerebu semakin kurang selepas hujan di sekitar Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

RM1.45j untuk benih awan

Kuala Lumpur: Kira-kira RM1.45 juta dibelanjakan untuk menjalankan operasi pembenihan awan bagi mengurangkan situasi jebu yang melanda negara sejak Julai lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, sepanjang tempoh operasi itu, 29 pembenihan awan dilakukan pihaknya sehingga Isnin lalu.

"Kos bagi setiap operasi pembenihan awan membabitkan perbelanjaan antara RM50,000 dan RM80,000.

"Kos itu merangkumi sewaan pesawat, bahan bakar, garam dan kos operasi berkaitan," katanya ketika dihubungi.

Menurut Che Gayah, pembenihan awan pertama dijalankan di Sarawak pada Julai lalu dan berakhir Isnin lalu di Lembah Klang.

Status kualiti udara seluruh negara makin baik

Kuala Lumpur: Selepas lima minggu negara dilanda jerebu, status kualiti udara di seluruh negara semakin baik apabila 36 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana manakala 16 kawasan berada pada tahap baik sehingga jam 5 petang semalam.

Buat kali pertama sejak 4 September lalu, tiada kawasan merekodkan bacaan tidak baik, berbahaya dan sangat berbahaya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata perubahan tiupan angin dari barat daya ke timur laut ketika ini dengan sendirinya mengurangkan jerebu.

Redakan keadaan jerebu

“Tiupan angin ini membawa cuaca lembap dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu.”

**“
Tiupan angin ini membawa cuaca lembap dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu”**

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
MetMalaysia

bentuk ia akan membawa cuaca kering dan angin kuat dari arah Sumatera dan Kalimantan yang akan menyebabkan jerebu kembali melanda.

dan hujan serta ribut petir pada waktu petang di sekitar pantai barat Semenanjung, sekali gus meredakan keadaan berjerebu.

“Jika tiupan angin berubah kepada keadaan yang kuat, hal ini boleh menyebabkan banjir kilat dan dijangka berakhir pada minggu kedua pada bulan November,” katanya ketika dihubungi.

Che Gayah berkata, tiada ribut yang berdekatan dilaporkan namun sekiranya ribut tropika ter-

Kesan titik panas

Dalam pada itu, menurut kenyataan media Jabatan Alam Sekitar (JAS), semakan di Pusat Meteorologikal Khas ASEAN mengesan satu titik panas dikesan dalam negara iaitu Pahang dan tiga titik panas di Kalimantan serta 121 direkodkan di Sumatera, Indonesia.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyarankan masjid dan surau di seluruh negara mengadakan solat hajat bagi mendoakan masalah jerebu yang melanda negara tidak berpanjangan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha, dalam satu kenyataan semalam, mencadangkan ia dilakukan selepas selepas solat Jumaat, hari ini.

“JAKIM mengambil inisiatif menerusi masjid utamanya Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin serta seluruh masjid dan surau di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan solat hajat pada 9 Oktober selepas solat Jumaat,” katanya.

Hujan lenyapkan jerebu beransur-ansur

Kuala Lumpur: Kualiti udara di seluruh negara berada pada tahap sederhana apabila semua kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak melebihi 100.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya menjangkakan situasi jerebu ini akan berakhir pertenga-

han bulan ini.

Katanya, berdasarkan corak cuaca sekarang, negara kini mengalami 'inter' monsun iaitu musim antara monsun yang menyebabkan cuaca menjadi lembap.

"Inter monsun yang berlaku menyebabkan negara menerima jumlah hujan le-

bih banyak, jadi hujan ini 'melenyapkan' jerebu sedia ada secara beransur-ansur.

"Jerebu baru juga dijangka tidak akan memasuki negara kita berikutan tiupan angin yang lemah dari pelbagai hala yang tidak akan membentuk ribut tropika baru sehingga awal Novem-

ber berikutan peralihan musim dari Monsun Barat Daya kepada Timur Laut," katanya ketika dihubungi.

Katanya, peralihan kepada Monsun Timur Laut menyebabkan keadaan cuaca serantau menjadi lebih lembap dengan hujan dan ribut petir boleh berlaku pada sebelah

petang dan senja pada satu dua tempat di seluruh negara.

"Semenanjung tidak akan mengalami jerebu lagi kerana ketika ini, angin bertiup dari Laut China Selatan menyebabkan jerebu dari Kalimantan tidak sampai ke negara kita," katanya.



Ribut Tropika Lenyap, Kualiti Udara Lebih Baik

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Kualiti udara yang semakin baik sejak malam tadi disebabkan lenyapnya Ribut Tropika Mujigae yang sebelum ini terbentuk di perairan Filipina dan mendorong tiupan angin bersama jerebu ke negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata Malaysia kini kembali menerima cuaca yang lazim pada musim antara monsun yang akan berterusan sehingga awal November.

"Pada musim antara monsun ini, kita menerima angin lemah pelbagai hala dan cuaca yang lebih lembab terutama di negeri-negeri di Pantai Barat...dan kita juga menerima ribut petir di sebelah petang.

"Jadi, setakat ini kita tidak lagi mendapat jerebu rentas sempadan yang baharu, dan hujan yang turun akan terus menghapuskan saki-baki jerebu yang tinggal," katanya apabila dihubungi.

Beliau diminta mengulas kualiti udara yang semakin baik sejak lewat petang semalam dengan kebanyakan kawasan di seluruh negara dilaporkan hanya mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) baik dan sederhana.

Menurut Che Gayah, keadaan cuaca ini boleh berterusan sehingga awal November sekiranya tiada lagi pembentukan ribut tropika yang mungkin membawa jerebu kembali ke negara ini.

"Tetapi jika berlaku lagi ribut tropika yang dekat dengan rantau kita dan beri kesan kepada tiupan angin, tak mustahil Malaysia boleh dilanda jerebu semula," jelasnya.

Dalam pada itu, Che Gayah berkata rakyat Malaysia juga tidak perlu bimbang dilanda jerebu selepas tamatnya musim antara monsun, memandangkan negara akan memasuki musim monsun timur laut atau tengkujuh bermula awal November.

Katanya, jika berlaku kebakaran di negara jiran sekalipun, ia tidak memberi kesan kepada kualiti udara Malaysia kerana tiupan angin akan menolak asap jerebu ke arah laut.

Sementara itu, menurut portal Jabatan Alam Sekitar (JAS), sebanyak 17 kawasan mencatatkan bacaan IPU baik setakat 3 petang ini, berbanding 15 pada 9 pagi tadi.

Ia termasuk Labuan (25), Kota Tinggi (47), Muar (49), Indera Mahkota dan Jerantut (48), serta kebanyakan kawasan di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 34 kawasan lagi mencatatkan bacaan IPU sederhana termasuk Shah Alam (87), Nilai (84), Pelabuhan Klang (82) serta Alor Star dan Langkawi (75).

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 sederhana, 101 hingga 200 tidak sihat, 201 hingga 300 sangat tidak sihat dan 301 ke atas berbahaya.

Orang ramai boleh merujuk portal apims.doe.gov.my untuk mengetahui bacaan IPU semasa.

-- BERNAMA

Wan Junaidi: No haze in country until Monday

KUALA LUMPUR: The National Resources and Environment Ministry has predicted haze-free weather until Monday.

Its minister, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, yesterday said following the Mujigae tropical storm in northern Vietnam, the region was expected to receive a weak winds from various directions.

"This leads to wetter weather, with the possibility of rain in the coastal areas of the peninsula's west coast, which would alleviate the haze."

The Department of Environment's (DoE) Air Pollutant Index (API) readings yesterday showed an improvement, with no area recording an "unhealthy" reading.

However, two areas — Sri Aman and Tawau — saw API readings climb from a "healthy" 45 and 46 at the beginning of the day to a "moderate" 52 and 54 as of 4pm. Shah Alam had the highest reading at a "moderate" 86.

DoE also found that as of Wednesday, there were 3,478 open burning cases nationwide. Of the total, 216 cases were issued compounds, 15 given notices and 41 given directives. Twenty-three cases were given investigation papers for court action.

"All parties have been advised not carry out open burning or allow others to carry out open burning on their premises," said Wan Junaidi.

He urged the public to report open burning by calling the Fire and Rescue Department at 999 and DoE at 1-800-88-2727.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said cloud seeding would cease dur-

ing the wet period, with the last operation having been conducted on Monday.

"The API reading must be at the 'unhealthy' level for at least 72 hours straight for cloud seeding to be carried out.

"The haze has improved as the inter-monsoon weather returns," she told the *New Straits Times* yesterday.

During a visit to Kuching for the second Sarawak Business and Investment Summit yesterday, Wan Junaidi said the nation was ready to help Indonesia battle forest fires.

He said the haze was the worst in Malaysia's history, having persisted for more than a month.

"Even in 1997, when the haze affected Sarawak with an API reading of above 800, it lasted only a few days.

"When the state was first affected by the haze on Aug 22 (this year), we thought it would improve in five or six days, but it didn't.

"The plan to aid Indonesian authorities in putting out the fires is there. We are just waiting for Indonesia's green light to accept aid from other countries."

Wan Junaidi said a decision on the assets and manpower to be deployed would be made after an inter-agency meeting involving the Royal Malaysian Air Force and Malaysian Maritime Enforcement Agency.

"We welcome the request by the Indonesian president and hope that by working together, we will end the haze as soon as possible. The ministry will monitor the situation in the country, as well as how we can help Indonesia."

Angkasa nafi Bumi bergelap selama 15 hari

KUALA LUMPUR - Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menafikan artikel yang tersebar di media-media sosial mengenai Bumi bakal bergelap selama 15 hari iaitu bermula pada 15 hingga 29 November ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Angkasa, khabar angin yang mengatakan bumi bergelap kerana planet Musytari dan Zuhrah akan kelihatan sangat ber-



hampiran dengan hanya terpisah pada sudut satu darjah adalah palsu.

"Semakan daripada laman web rasmi Agensi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan mendapati bahawa peristiwa planet Musytari kelihatan berada terlalu hampir dengan Zuh-

rah di langit dikenali sebagai fenomena Ijtimak.

"Fenomena ini adalah normal kerana ia telah berlaku pada 30 Jun 2015 dan akan berlaku sekali lagi pada 26 Oktober ini," kata kenyataan itu di sini semalam.

Tambah kenyataan itu, perbezaan jarak antara kedua-dua planet tersebut tidak mungkin menyebabkan sebarang proses seperti yang didakwa berlaku dan tiada sebab untuk Bumi bergelap.

"Ketika fenomena itu

berlaku pada 30 Jun 2015, planet Zuhrah pada ketika itu berada pada jarak 77 juta kilometer (km) dari Bumi manakala Musytari pula pada jarak 909 juta km dari Bumi.

"Perbezaan jarak antara kedua-dua planet tersebut tidak memungkinkan sebarang proses seperti yang didakwa akan berlaku dan tiada sebab untuk Bumi bergelap pada ketika berlakunya fenomena Ijtimak ini," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 56
TARIKH:09 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Kuala Lumpur

**ANGKASA nafi
dakwaan bumi
bergelap 15 hari**

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) menafikan dakwaan yang viral di Internet serta laman sosial kononnya bumi akan bergelap selama 15 hari berikutan kedudukan dua planet iaitu Musytari dan Zuhrah dalam garis selari, sekali gus menghalang kemasukan cahaya matahari.

Pegawai Sains ANGKASA Mohd Zamri Shah Mastor berkata, laporan berita terbabit yang viral di Internet serta di Facebook (FB) tidak benar dan sengaja direka-reka pihak tertentu.

"Hasil semakan di laman web rasmi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA) turut menafikan perkara itu dan fenomena kononnya 'November Blackout' tidak wujud.

"Semakan mendapati fenomena dua planet iaitu Musytari kelihatan berada terlalu hampir dengan Zuhrah di langit atau dikenali sebagai fenomena 'Ijtimak' perkara normal berlaku pada tarikh tertentu," katanya menerusi satu kenyataan, di sini, semalam.



Angkasa Nafi Dakwaan Bumi Akan Gelap Selama 15 Hari

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- [Agensi Angkasa Negara \(Angkasa\)](#) hari ini menafikan dakwaan kononnya Bumi akan bergelap selama 15 hari bermula 15 Nov ini, seperti yang tersebar di laman sosial dan aplikasi WhatsApp.

Dalam satu kenyataan, Angkasa berkata perbezaan jarak antara planet Musytari dan Zuhrah tidak memungkinkan sebarang proses seperti yang digembar-gemburkan akan berlaku dan tiada sebab untuk Bumi bergelap pada ketika itu.

Semakan daripada laman sesawang Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA) mendapati peristiwa planet Musytari kelihatan berada terlalu hampir dengan planet Zuhrah di langit atau juga dikenali sebagai fenomena Ijtimak atau 'Conjunction' adalah normal.

"Fenomena Ijtimak telah berlaku pada 30 Jun lepas dan akan berlaku sekali lagi pada 26 Okt ini. Ketika fenomena ini berlaku pada 30 Jun lalu, planet Zuhrah pada ketika itu berada pada jarak 77 juta km dari Bumi manakala planet Musytari pula pada jarak 909 juta km dari Bumi," menurut kenyataan itu.

Satu artikel palsu kononnya pihak NASA mengesahkan Bumi akan bergelap mulai 15 hingga 30 Nov ini akibat planet Musytari dan Zuhrah akan kelihatan sangat hampir atau hampir selari, hanya terpisah sejauh sudut satu darjah sahaja di langit, telah tersebar luas.

Artikel palsu itu juga mendakwa Ketua Pentadbiran NASA Charles Bolden memberi penjelasan dalam dokumen sepanjang 1,000 muka surat kepada White House mengenai kejadian yang hanya berlaku sekali dalam satu juta tahun ini yang juga dikenali sebagai "November Black Out".

-- BERNAMA

We should baulk at bauxite mining

THE laboratory findings on bauxite mining in Pahang are disturbing as these confirm the health impact and environmental contamination from mining.

These have serious implications not only on the environment, human and marine life, but also affect the activities of the people in the surrounding areas.

Although the state government is still awaiting results from the Atomic Energy Licensing Board (AELB) for tests on radiation from bauxite mining, laboratory analyses conducted by government agencies — such as the Fisheries and Chemistry Departments, as well as the Pahang Department of Environment — have proven the water contamination and air pollution in the affected areas.

The tests show that the contamination from bauxite mining has made the water quality of Sungai Pengorak similar to that of an irrigation canal.

Besides the high level of heavy metals that exceed allowable limits such as lead, chromium, copper and zinc, there are also high concentrations of mercury, which is toxic to humans.

The air at Kuantan Port is polluted as the Total Suspended Particulate (TSP) is way above the maximum level.

These findings call for action to stop the pollution and contamination to safeguard the health of the people, including measures to address the poorly-regulated bauxite mining in the state.

Taking a month's time after get-

ting the results from AELB to decide on the next course of action is too long and inappropriate, given the seriousness of the health and environmental implications from bauxite mining. And taking one year later to scale down the mining is unthinkable.

Now is the time for the state government to act. The AELB results will only be on the radiation in the mining sites, while other laboratory tests have shown the serious pollution and contamination.

We are concerned about the long-term impact of these harmful effects from mining, which have no proper guidelines and supervision.

It has been established that the economic returns from the mining do not commensurate with the adverse effects brought about by poorly-regulated mining.

This is a compelling reason for the state government to do what it can to stop or better regulate bauxite mining.

Failing to do so would be costly in terms of addressing the pollution, contamination and health effects such as a river clean-up and medical care.

There is a need for safety and health guidelines to be established and adhered to by mining operators to prevent hazards to public health and the environment.

At the same time, the authorities must weed out illegal bauxite miners in the state.

TAN SRI LEE LAM THYE,
National Institute for Occupational
Safety and Health chairman

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (LETTERS) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Letters

■ FARAH CALAMEY

Cavalier attitude a letdown

WHILE Malaysians can expect relief from the debilitating effects of the smog that has engulfed this region for the past one month, the relief has come, not on account of our own efforts, but mainly due to the monsoon winds that have blown the smog away from Malaysia.

Unfortunately, other activities that can affect the health and lives of communities in the country are continuing to destroy the environment.

The authorities do not seem to have learnt their lesson from what the people have had to put up with these past months, as the culprits involved are oblivious to what they have caused.

Thus, the illegal farmers who caused so much damage in Cameron Highlands are back.

The same goes for bauxite mining, which has released contaminated heavy metals, not to mention the possibility of radioactive content, into areas near Kuantan, especially in Sungai Pengorak and Pantan Pengorak.

The Pahang government does not seem bothered about the pos-

sibility of environmental disaster in those areas, as nothing much in the way of controlling and regulating such activities has been done.

Nothing has been heard of culprits brought to justice or charged over their illegal activities.

What is most galling is the almost cavalier attitude of the Pahang government with regard to these illegal activities.


Thus, what Pahang Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob has been quoted to have said is that it will decide on the next course of action in about one month, once the Atomic Energy Licensing Board (AELB) concludes its report.

But the fact is that AELB only carries out tests to see whether the samples taken from there contain radiation.

Is the Pahang government not too concerned about the release of heavy metals, including lead, aluminium, cadmium and iron, into the area?

Is its earning of the princely sum of RM37 million from the five per cent royalty it receives from bauxite mining worth the adverse health effects on its people?

Is the state government bothered about the possibility of environmental disasters?



However, it is not known what other princely sum it is earning from illegal farmers in Cameron Highlands.

It is as if it is too bad the people in

Kuantan have to live with the presence of the heavy metals, so long as there is no confirmation of the presence of radiation.

The fact that the suspended

particulate (PM10) in Kuantan Port is above the maximum level set in the Malaysian Ambient Air Quality Guidelines also does not seem to be of too much concern to the Pahang

government. It is the same with illegal farming in Cameron Highlands.

It is of not much concern to the Pahang government, even if the

environment there is destroyed.

What a letdown.

■ REJAL ARBEE,
Shah Alam, Selangor



Mampu Menang Anugerah 'Excellence In Analytics Agency Of The Year' Pada Anugerah OpenGov Asia

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) memenangi anugerah 'Excellence in Analytics Agency of the Year' pada Anugerah OpenGov Asia, di sini hari ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa menyampaikan plak kepada Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU Dr Suhazimah Dzazali pada satu majlis di sini.

Pada majlis itu, [MIMOS Bhd](#) merangkul anugerah bagi 'Excellence in Analytics Strategy & Thought Leadership', 'Excellence in Analytics Smart Use of Data', 'Excellence in Analytics Open Data Initiatives', 'Excellence in Analytics Big Data Initiatives' dan 'Excellence in Analytics Cloud Based Tools'.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula memenangi empat anugerah iaitu 'Excellence in Analytics Open Data Initiatives', 'Excellence in Analytics Big Data Initiatives', 'Excellence in Analytics Cost Optimisation' dan 'Excellence in Analytics Cloud Based Tools'.

Dengan kerjasama MAMPU dan OpenGov, sebuah agensi yang beroperasi di Singapura, Anugerah OpenGov memperkenalkan satu siri anugerah untuk sektor awam di ASEAN dengan menggunakan kaedah data analitik yang diperolehi daripada data kaji selidik yang diisi oleh agensi-agensi dengan pengesahan daripada sumber tambahan.

Anugerah OpenGov Asia merangkumi enam kategori iaitu Analitik, Strategi Analitik dan Data, Taktik Analitik dan Data, 'Embracing Mobility', Memanfaatkan Media Sosial dan Infrastruktur Pintar, disampaikan kepada agensi-agensi sektor awam yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang ICT.

Ali juga menyampaikan 32 sijil penghargaan kepada 32 agensi sektor awam yang menyahut seruan kerajaan kepada peningkatan persekitaran 'tanpa kertas' dengan peralihan kepada penggunaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS) sepenuhnya dalam sistem fail dan pengurusan dokumen yang melibatkan semua peringkat penggunaan di agensi.

-- BERNAMA